

05 APR 2001

Chong-pelancongan

STPC USAHA TARIK PELANCONG KE SABAH

KOTA KINABALU, 5 April (Bernama) -- Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah (STPC) akan berusaha menarik pelancong dari Semenanjung dan Sarawak untuk melawat Sabah tahun ini, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Di bawah rancangan tiga tahun, STPC akan secara agresif memasarkan negeri itu kepada pelancong terutamanya yang dari Lembah Klang, katanya.

Terdapat keperluan untuk menarik pelancong dari kawasan tersebut kerana terdapat rakyat Malaysia yang masih tidak mengetahui kenunikan Sabah, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat saintifik tahunan Gastro 200, Persatuan Gastroenterologi & Hepatologi Malaysia (MSGH) di sini hari ini.

Beliau menafikan tambang penerbangan ke Sabah adalah punca yang tidak menggalakkan pelancong domestik ke negeri ini.

"Jika mereka boleh menganjurkan sendiri dengan mengambil kesempatan dari pakej pelancongan ke Sabah, mereka akan dapat tambang yang lebih murah," kata Chong, yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi.

Memberi contoh persidangan hari ini, Chong berkata daripada 600 perwakilan hampir separuh adalah dari Semenanjung dan Sarawak.

Oleh itu, kerajaan negeri ingin lebih ramai pelancong dari kedua-dua kawasan itu datang ke Sabah, katanya.

Berkaitan dengan pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen baru-baru ini, Chong berkata kerajaan negeri berpuas hati terhadap Kerajaan Pusat yang memberikan perhatian untuk membantu Bumiputera di negeri ini, terutaman dari kawasan luar bandar.

Beliau berkata kerajaan negeri akan membantu Kerajaan Pusat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RRJP3 itu.

--BERNAMA

HAK RI